

AKHBAR : HARIAN METRO
TARIKH / HARI : 14 OGOS 2017 (ISNIN)

Gaun Jalur Gemilang

■ **Pakaian sedondon ibu bersama tiga anak pikat juri**



HASNURUL Hani bersama anaknya memperagakan gaun yang direka khas pada Program Shah Alam Tanpa Kenderaan 2017 anjuran MBSA, semalam.

FAKTA
Lebih 1,000 peserta hadir pada program itu

Shah Alam 11/10/17

Semangat patriotik terhadap negara mendorong ibu bersama tiga anaknya mencipta kelainan, seterusnya menjadi tumpuan ramai dalam Program Shah Alam Tanpa Kenderaan 2017, di sini, semalam.

Mereka hadir dengan pakaian yang direka khas bermotifkan Jalur Gemilang, sekali gus memenangi Pertandingan Pakaian Beragam Terbaik bertemakan Hari Kebangsaan anjuran Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA).

Hasnurul Hani Saidi, 38, berkata, dia bersemangat untuk menyambut ulang tahun kemerdekaan negara setiap tahun.

"Dalam usaha menyemarakkan sambutan kemerdekaan, saya akan reka sendiri pakaian khas yang bertemakan Jalur Gemilang.

"Pakaian ini memang saya reka khas untuk (sambutan) kemerdekaan tahun ini. Semuanya saya buat sendiri termasuk kostum anak saya," katanya.

Datuk Bandar, Datuk Ah-

mad Zaharin Mohd Saad melancarkan program yang masuk kali keenam tahun ini.

Hasnurul Hani yang menetap di Bangi berkata, dia bersama anaknya hadir ke program itu untuk menyertai kedua-dua prog-

ram berkenaan.

"Saya dapat tahu program ini beberapa hari lalu di media sosial dan tak sangka pula boleh menang," katanya

yang menerima hadiah berupa barangan perhiasan.

Sementara itu, Ahmad Zaharin berkata, program itu inisiatif MBSA bagi mengu-

rangkan pelepasan gas karbon monoksida yang boleh mencemarkan alam sekitar.

Lebih 1,000 peserta hadir dalam program itu.